



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8000 8000 Faks: 03-8889 7957

Laman web: www.kwp.gov.my

SIARAN MEDIA

UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

KWP DAN AIR ASIA JALIN KERJASAMA STRATEGIK

LABUAN, 6 September 2019 – Kerjasama strategik Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) dan Agensi bersama Syarikat Penerbangan Tambang Rendah Terbaik Dunia AirAsia merupakan inisiatif terkini kerajaan dalam mengembangkan industri pelancongan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

Kerjasama strategik ini melibatkan pengiklanan di dalam ruang kabin 25 buah pesawat AirAsia iaitu 15 pesawat AirAsia Malaysia, 5 pesawat AirAsia Thailand, 5 pesawat AirAsia Indonesia. Kerjasama ini juga merangkumi pakej pengiklanan dengan AirAsia WiFi (ROKKI) yang menawarkan kemudahan wifi dalam penerbangan.

Paparan visual di ruangan-ruangan kabin memaparkan destinasi dan lokasi pelancongan utama Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan termasuklah makanan popular di Wilayah Persekutuan. Kerjasama awam-swasta ini merupakan strategi bersepadu dalam merencanakan lagi Wilayah Persekutuan sebagai destinasi pilihan utama pelancong dari dalam dan luar negara.

Keunikan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan juga turut dipromosikan dalam Majalah Travel360 dalam pesawat dan di platform digital Klia2. Ianya adalah usaha meletakkan Wilayah Persekutuan sebagai destinasi mempersona dan *vibrant* di rantau ini.

Kerjasama ini akan memberi manfaat kepada Wilayah Persekutuan selari dengan hasrat kerajaan yang mensasarkan 30 juta pelancong dengan nilai pendapatan RM100 bilion bagi Tahun Melawat Malaysia 2020. Dengan jumlah penumpang seramai 85 juta setahun, pihak KWP yakin bahawa pengiklanan di dalam pesawat Air Asia ini akan memberikan impak yang tinggi dalam usaha mempromosikan sektor pelancongan di Wilayah Persekutuan setaraf dengan destinasi-destinasi pelancongan lain di dunia di masa akan datang.

Disediakan Oleh:

**Bahagian Komunikasi Korporat
Kementerian Wilayah Persekutuan
6 September 2019**